

Seri Paduka hadir tahlil sempena merdeka

UM 25 AUG 2001

KUALA LUMPUR 24 Ogos — Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghadiri majlis tahlil sempena hari kemerdekaan yang ke-44 selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Abdul Hamid Zainal Abidin pula bertindak sebagai menteri pengiring.

Majlis tahlil kemerdekaan ke-44 itu dipimpin oleh Imam Masjid Negara, Firdaus Ismail.

Hari ini lebih 6,000 buah masjid di seluruh negara mengadakan majlis tahlil dan doa selamat kemerdekaan selepas solat Jumaat termasuk di Kelantan dan Terengganu di samping menggunakan teks khutbah yang serupa.